

**UNTUK EDARAN SEGERA**



**KENYATAAN MEDIA  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PENUTUPAN PREMIS  
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SEMBILAN  
KERANA PENGESAHAN KES JANGKITAN COVID-19**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengambil maklum terdapat kes jangkitan wabak COVID-19 yang melibatkan beberapa orang pegawai dan anggota Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan. Oleh yang demikian, premis Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan, termasuk Sektor Pembelajaran dan Unit Hal Ehwal Murid di SK Rahang, Unit Pembangunan Bakat Murid dan Sektor Pendidikan Islam di Kompleks Ko-Kurikulum serta Pusat Ko-Kurikulum Kem Hassan Basir di Batu Kikir, Kuala Pilah ditutup mulai 30 Oktober 2020 sehingga 12 November 2020.

Keselamatan warga KPM dan pelanggannya adalah sentiasa menjadi keutamaan. Sehubungan itu, segala urusan yang melibatkan orang awam adalah dihentikan sepanjang tempoh penutupan ini. Kesulitan yang timbul dari penutupan ini, adalah dikesali.

-TAMAT -

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
31 OKTOBER 2020**